

## **Efikasi Kendiri Guru sebagai Mediator antara Kepimpinan Transformasi dengan Pengurusan Pengintegrasian Teknologi**

### **ABSTRACT**

Kajian ini bertujuan untuk menilai efikasi kendiri guru sebagai pengantara (*mediator*) dalam hubungan antara kepimpinan transformasi pengetua dan pengintegrasian ICT dalam kalangan guru sekolah menengah di negeri Sabah. Kajian kuantitatif ini melibatkan 497 responden dalam kalangan guru di negeri Sabah. Analisis menggunakan kaedah pemodelan persamaan berstruktur (SEM) dalam perisian IBM-SPSS-AMOS 28.0. Kajian ini mendapati efikasi kendiri menjadi pengantara (*mediator*) dalam hubungan antara kepimpinan transformasi dan pengintegrasian ICT dalam kalangan guru di negeri Sabah. Dapatan kajian juga mendapati kedua-dua laluan tidak langsung adalah signifikan manakala laluan langsung adalah tidak signifikan. Maka dapat disimpulkan bahawa jenis pengantaraan yang berlaku dalam model ini ialah pengantaraan penuh kerana kesan langsung adalah tidak signifikan. Dapatan kajian ini boleh memberi hala tuju yang lebih jelas kepada penggubal dasar dalam penambahbaikan sistem pendidikan kebangsaan.